

UBD juara Piala Rektor UNISSA



Pasukan UBD bergambar bersama pingat mereka semasa Kejohanan Bola Jaring IPT yang berlangsung di Dewan Gimnasium, UNISSA baru-baru ini. – Gambar serahan UNISSA

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 OGOS - Pasukan Bola Jaring Universiti Brunei Darussalam (UBD) muncul juara pada Kejohanan Bola Jaring Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Piala Rektor UNISSA 2023 sempena Mahrajan Hafl At-Takharruj ke-13 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) anjuran Kelab Bola Jaring, Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2023/2024, UNISSA baru-baru ini di Dewan Gimnasium, UNISSA.

Kejohanan yang dibukakan kepada semua mahasiswi IPT Negara Brunei Darussalam itu telah disertai lapan kumpulan yang terdiri daripada UBD, UNISSA, Universiti Teknologi Brunei (UTB), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Politeknik Brunei (PB), Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan (CCCT).

Hadir selaku tetamu kehormat pada kejohanan tersebut ialah Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan

Alumni) UNISSA, Dr Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu. Turut hadir Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar UNISSA, Dayang Nurhafizatulhikmah binti Haji Seribini.

Dalam kejohanan itu, tempat kedua dimenangi PB manakala CCCT menduduki tempat ketiga.

Anugerah *Best Attacker* telah dimenangi mahasiswi UBD, Nur Amal Batrisyia @ Syasya binti Haji Mohamad manakala Nur Darina binti Safri daripada pasukan CCCT meraih gelaran *Best Defender*.

Sementara itu, Nur Nasrina binti Izzudin dari pasukan UNISSA dipilih sebagai *Best Shooter* dan *Player Of The Tournament* diberikan kepada Dayangku Nur Aqilah binti Pengiran Samsul Bahri daripada pasukan PB.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh tetamu kehormat kepada para pemenang pada majlis tersebut.